

# Maklumat dan Syarat Permohonan Belajar Di Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah, Arab Saudi.



**DISEDIAKAN OLEH :**

MOHD DANIAL BIN MOHD SAODI  
KULIAH SYARIAH UNIVERSTI ISLAM MADINAH

WAN MUHD USAID BIN WAN SUBKI  
KULIAH HADIS UNIVERSTI ISLAM MADINAH

**DISAHKAN OLEH :**

PERSATUAN MAHASISWA MALAYSIA ARAB SAUDI  
(PERSADA)

## **PENDAHULUAN**

Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah terletak di Madinah Al-Munawwarah, Saudi Arabia. Universiti ini telah diasaskan pada 6 September 1961. Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah bertujuan ingin melahirkan para pendakwah berilmu yang bermanhaj Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Terdapat 5 buah kuliah yang ditawarkan di Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah iaitu :

- 1.Kuliah Al-Quran
- 2.Kuliah Hadis
- 3.Kuliah Syariah
- 4.Kuliah Dakwah & Usuluddin
- 5.Kuliah Bahasa Arab.

Para pelajar bebas memilih kuliah yang diminati apabila permohonan diterima berdasarkan syarat yang telah ditetapkan. Selain itu, Universiti Islam Madinah juga menawarkan pembelajaran asas Bahasa Arab di Maahad Lughah Li Ghairi Nathiqina Biha selama 2 tahun.

## **SYARAT KELAYAKAN**

1. Pemohon mestilah mempunyai perilaku yang baik.
2. Pemohon mestilah berjanji untuk mematuhi peraturan-peraturan universiti
3. Pemohon mestilah berada dalam keadaan yang sihat.
4. Pemohon mestilah lulus dalam ujian yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
5. Pemohon mesti mempunyai Sijil Pendidikan Menengah Umum (GCSE) atau yang setara, dari dalam atau luar Kerajaan Saudi Arabia.
6. Sijil mestilah dikeluarkan oleh sekolah kerajaan atau swasta yang diiktiraf.
7. Pemohon haruslah berdedikasi untuk menghabiskan pengajian.
8. Sijil mestilah tidak lebih dari 5 tahun selepas ia dikeluarkan.
9. Pemohon mestilah berumur tidak lebih dari 25 tahun ketika memohon.
- 10 .Pemohon yang memohon Kuliah Al-Quran mestilah sudah menghafal 30 juzu' Al-Quran.
- 11 .Pemohon mestilah mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh pihak universiti.

## **DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

1. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mestilah diterjemah ke dalam bahasa Arab di Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB).

2. Sijil Kelahiran mestilah diterjemah ke dalam bahasa Arab di ITNMB.

\* Sijil Kelahiran dan SPM yang telah di terjemah ke dalam bahasa arab mestilah dicop/disahkan di Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra), Putrajaya.

3. Pasport.

4. Kad Pengenalan (Terjemahan Bahasa Arab).

5. 4 keping gambar pasport berwarna (6x4), gambar yang diambil haruslah tanpa memakai cermin mata dan latar belakang gambar mestilah berwarna putih.

6. Surat Sokongan daripada mana-mana institusi Islam seperti Majlis Agama Islam, Yayasan Islam, Jabatan Mufti dan sebagainya.

7. Surat sokongan atau tazkiah (recommendation) daripada sekurang-kurangnya dua orang lepasan Universiti Arab Saudi yang dikenali oleh pihak universiti.

8. Borang/surat pemeriksaan kesihatan yang menunjukkan bahawa pemohon berada dalam keadaan yang sihat dan tidak mempunyai penyakit berjangkit. Pihak universiti tidak akan menerima pelajar yang didapati mempunyai penyakit seperti hepatitis, dan penyakit berjangkit yang lain. Sehubungan dengan itu pastikan pemohon sihat dari sebarang penyakit berjangkit.

\*Borang pemeriksaan kesihatan/medical check-up boleh didapati di Kedutaan Arab Saudi, Jalan Ampang.

9. Sijil memeluk agama Islam (Jika ada)

10. Surat akuan dari sekolah (husnul khuluk) bahawa pemohon adalah berkelakuan baik.

11. Sertakan sebanyak yang boleh sijil-sijil yang berkaitan yang ada dalam bahasa arab seperti STAM atau sijil kolej dan sebagainya.

## **NOTA TAMBAHAN**

1. Pemohon mestilah mengimbas dokumen-dokumen asal bersama terjemahan dengan menggunakan scanner, supaya ia berwarna.
2. Pemohon mestilah melampirkan terjemahan yang ditulis dalam Bahasa Arab oleh penterjemah yang baik.
3. Pemohon hendaklah membawa dokumen aslinya dan dibuktikan di kedutaan arab saudi.
4. Jika ada kesalahan pada dokumen asal pemohon (seperti nama, tarikh lahir, tempat lahir dll). Pemohon harus memperbaiki kesalahan tersebut dengan pihak berkuasa yang bertanggungjawab sebelum menghantar permohonannya, kerana universiti tidak akan membenarkan maklumat ini diperbetulkan setelah pemohon mendaftar masuk.
5. Permohonan mestilah dibuat secara online samada pemohon menghadiri sesi temuduga atau tidak.

\* Pemohon yang ingin menghadiri sesi temuduga samada telah memohon secara online atau tidak, mestilah menyediakan salinan visa, pasport dan 2 keping gambar.

\* Bagi pemohon yang telah memohon secara online, pemohon dikehendaki menyertakan salinan no.aplikasi yang telah dicetak semasa melakukan permohonan online sebagai bukti permohonan telah dibuat semasa menghadiri sesi temuduga.

\* Pihak Universiti akan memberi no.aplikasi bagi pemohon yang menghadiri sesi temuduga, dan no.aplikasi tersebut mestilah digunakan ketika memohon secara online.

6. Terjemahan dokumen hanya boleh dibuat di Wangsa Maju seperti dalam alamat. Tempoh terjemahan dokumen ialah antara 3-5 hari bekerja. Harga dokumen adalah seperti berikut :

**SPM** - RM 50 per dokumen

**STAM / STPM**- RM 80 per dokumen

Dokumen-dokumen lain - RM 120 per dokumen

\*Harga berubah mengikut keadaan.

7. Cop pengesahan (Endorsement) di Wisma Putra atau Kementerian Luar Negeri boleh dibuat pada bila-bila masa pada waktu bekerja dengan harga RM10 per dokumen.

\*Setelah lengkap semua dokumen-dokumen di atas, sila layari laman Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah

<http://admission.iu.edu.sa/Selection.aspx> untuk memohon secara online.

**Peringatan:**

Sila print helaian akhir yang mempunyai no.aplikasi permohonan anda dan simpan untuk kegunaan seterusnya.

- ❖ Nama-nama pelajar yang diterima biasanya akan di umumkan pada bulan Ogos atau September bergantung pada pihak universiti.
- ❖ Persatuan Mahasiswa Malaysia Arab Saudi (PERSADA) akan turut membantu menguruskan urusan pendaftaran pelajar Insya Allah.

## **SENARAI ALAMAT URUSAN**

### 1. Alamat Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNMB)

Institut Terjemahan Negara Malaysia

Wisma ITNM, No 2, Jalan 2/27E

Seksyen 10, Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

Tel: (603) 4149 7210

Faks: (603) 4149 1535

E-mel: [info@itnm.com.my](mailto:info@itnm.com.my)

### 2. Alamat Kementerian Pengajian Tinggi :

Kementerian Pengajian Tinggi,

No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5,

62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8870 6000

Faks: +603 8870 6834

Emel: [portalfeedback@mohe.gov.my](mailto:portalfeedback@mohe.gov.my)

### 3. Alamat Kementerian Luar Negeri Malaysia (Wisma Putra)

Kementerian Luar Negeri Malaysia

Wisma Putra

No 1, Jalan Wisma Putra,

Presint 2

62602 Putrajaya

Tel: +603-8887 4000 /+603-8887 4570

(Selepas Waktu Bekerja)

Faks : 603-8889 1717 / 603-8889 2816

4. Alamat Kedutaan Arab Saudi :  
Bahagian Pengurusan Cop,Pengesahan,Visa dan sebagainya  
Royal Embassy Of Saudi Arabia,  
Level 4.Wisma Chinese Chamber,  
NO 258 Jalan Ampang 50450  
Kuala Lumpur

Tel: 03-42579831, 03-42579433, 03-42579825  
Fax: 03-42578751

5. Bahagian Islamic Counsellor :  
Royal Embassy of Saudi Arabia,  
Islamic Counsellor Office  
110A, Jalan U-Thant,  
55000 KUALA LUMPUR

Ruj. Ust Zainal: 019-2028918



**Sebarang persoalan hubungi:**

Nama : Mohd Danial Bin Mohd Saodi

No Tel Madinah : +966 569283722

Email : [almunawwarah90@gmail.com](mailto:almunawwarah90@gmail.com)

Facebook : Danial Madani

Blog : [sentuhanjiwarasa.blogspot.com](http://sentuhanjiwarasa.blogspot.com)

Nama : Wan Muhd Usaid bin Wan Subki

No Tel Madinah: +96548126623

Email : [ibnu\\_hudhair@yahoo.com](mailto:ibnu_hudhair@yahoo.com)

Facebook : Usaid Subki

\*Untuk maklumat lanjut boleh layari laman Universiti Islam Madinah Al-Munawwarah : <http://www.iu.edu.sa/en/Pages/default.aspx>

**Nota:** Sebarang cetakan semula **tanpa** pengubahsuaian adalah dibenarkan untuk tujuan penyebaran.